

20/03/2000

Syor pantau saham teknologi

Fred Tam

LONJAKAN mendadak 819 mata oleh Wall Street Rabu dan Khamis lalu mencetuskan kenaikan besar di pasaran saham Asia dan membantu mengurangkan kerugian minggu lalu.

Penanda aras pasaran saham Malaysia, Indeks Komposit (IK) Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) juga menumpang daripada lantunan indeks penanda aras Bursa Saham New York, Dow Jones.

IK melenyapkan kelemahan selama tiga hari dengan lonjakan 14.29 mata Jumaat lalu untuk mengakhiri dagangan minggu lalu pada paras 934.78 mata.

Berbanding minggu sebelumnya, IK lebih rendah 13.31 mata atau 1.4 peratus, tetapi ditutup lebih tinggi daripada paras terendah mingguan iaitu 916.63 mata.

Kelemahan pasaran saham minggu lalu tidak syak lagi disebabkan jualan di bursa utama serantau, terutama Taiwan yang seterusnya merebak ke Tokyo, Hong Kong dan Singapura.

Sentimen pelabur tempatan yang sudah terjejas oleh kejatuhan sejak pasaran mencapai paras tertinggi 1,021 pada 18 Februari lalu terus malap.

Di Taiwan kebimbangan terhadap kemenangan parti prokemerdekaan pada pilihan raya presiden kelmarin, mencetuskan penjualan besar-besaran oleh parti pemerintah Kuomintang.

Di Jepun pula kelemahan menyusul berikutan kejatuhan mendadak dalam kaunter teknologi seperti Softbank dan laporan bahawa negara itu kembali mengalami kemelesetan selepas mencatat penguncupan ekonomi untuk dua suku tahunan berturut-turut.

Di Malaysia, keghairahan terhadap kaunter Internet yang muncul baru-baru ini terbantut apabila pelabur bertukar menjadi berhati-hati selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kebimbangan terhadap syarikat dotcom "gelembung" tertentu yang tidak mempunyai kegiatan industri sebenar untuk menyokong kenaikan harga mereka. Namun, kaunter terbabit tetap aktif tetapi pelabur kelihatan menyepi sehingga ribut reda.

Kami mahu menekankan syarikat Internet gelembung yang dimaksudkan itu mempunyai rekod prestasi perolehan yang boleh dipertikaikan.

Kebanyakannya pada peringkat pembentukan perniagaan. Mereka bukan syarikat teknologi yang dijejaki PI Capital sejak akhir tahun lalu, yang banyak mencatatkan kenaikan harga dan kekal kukuh sejak itu.

Saham teknologi seperti MPI, Unisem, Lktind, Akntech, Asuprem, Kesmi, Patimas, AIC, ETHB, Suiwah, Gtronic, Itronoc, dan Maemode mempunyai sokongan rekod perolehan.

Harga saham teknologi berkenaan masih kukuh meskipun jumlah dagangan merosot kerana asas mereka kukuh menyebabkan pemegang saham menyimpan saham itu bagi jangka panjang.

Apabila bekalan saham sesebuah syarikat agak terhad, harganya tidak mempamerkan ketidaktentuan.

Pada pandangan kami, saham teknologi itu harus dipantau lagi kerana kami yakin satu lagi fasa lonjakan akan muncul pada masa depan.

Berbalik kepada pasaran, dari segi carta, ia bergerak seperti yang dijangkakan iaitu pasaran yang sedang mencari pengukuhan dengan lantunan dan kejatuhan yang seketika.

Penganalisis berpendapat, pasaran masih memerlukan lebih masa untuk mengembalikan keyakinan pelabur yang terkejut dengan kejatuhan pasaran daripada paras 1,021 kepada 905 dan ketidaktentuan yang menyusul.

Namun, ada juga yang berpendapat Arus 4 sudah tamat dan pasaran kini memasuki Arus 5 yang menunjukkan peningkatan.

Seperti pelabur lain, kamu mengharapkan lantunan Jumaat lalu adalah permulaan kepada fasa lonjakan mapan yang membawa pasaran melebihi paras 1.021.

Namun, secara teknikalnya agak terlalu awal mengambil pandangan itu kerana petunjuk masih dalam kawasan negatif.

Apapun kita lihat sama ada pasaran akan terpengaruh dengan lantunan di Wall Street dan kami menjangkakan Dow Jones kembali naik kepada sasaran baru 12,450.

Jika perkara itu berlaku, jumlah dagangan mungkin kembali tinggi dengan IK melonjak untuk menguji dan juga mungkin mencecah paras halangan 970.

Jika tidak, sebarang lantunan minggu ini hanyalah Arus "b" dengan sasaran 950 dan 962. Jika halangan berkenaan tidak mampu diatasi pasaran akan terus menurun untuk memasuki fasa pengukuhan lebih lama.

(END)